

# Majikan pekerja asing tidak akan dihukum

**B**ANGI 10 Sept. — Kerajaan tidak berca-dang untuk mengenakan hukuman terhadap majikan yang mengambil pekerja asing tanpa izin sebelum ini kerana pekerja terbabit sudah pulang ke negara masing-masing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tumpuan kerajaan kini ialah memastikan setiap majikan mengambil pekerja asing mengikut undang-undang yang ditetapkan supaya pertumbuhan industri pembinaan negara tidak tersekat.

“Kita telah mengambil tindakan sebelum ini iaitu ketika mereka (pekerja asing tanpa izin) berada di sini. Kita tidak boleh ambil tindakan sekarang,” kata-

nya ketika ditemui selepas merasmikan Institut Malaysia Perancis (MFI) di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai tindakan kerajaan terhadap majikan yang mengambil pekerja asing tanpa izin sebelum ini, yang disifatkan sebagai telah menipu kerajaan antaranya kerana tidak membayar levi.

Dr. Mahathir berkata, jika kerajaan mengenakan tindakan terhadap majikan, ia adalah seperti mengenakan tindakan terhadap kerajaan sendiri.

Katanya, ini kerana industri pembinaan sedang berkembang pesat dan tindakan terhadap majikan boleh menjejaskan perkembangan itu.

Ditanya tidakkah tindakan majikan itu seperti me-

ngugut kerajaan kerana kerajaan terpaksa mengubah semula dasarnya mengenai pengambilan pekerja asing, beliau berkata:

“Ia bukan mengubah semula (dasar). Jika mereka (majikan) mahu (pekerja asing), mereka perlu mengambil pekerja secara sah dan mereka perlu membayar (levi)”.

Baru-baru ini, kerajaan memberi peluang kepada pekerja asing tanpa izin di negara ini pulang ke negara asal mereka tanpa dikenakan tindakan.

Peluang yang berakhir pada 31 Julai lalu itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan kerana selepas tarikh itu, mereka yang didapati bekerja tanpa izin akan dikenakan hukuman sebat.